

BORANG PERAKUAN
(PEMUNYA PREMIS)

Kepada :

Tenaga Nasional Berhad,

.....
.....
.....
.....

(isikan alamat TNB berhampiran)

*Kami/Saya (*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Syarikat :) yang beralamat di

..... dengan ini bersetuju dan berakujanji dengan Tenaga Nasional Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 200866-W) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016, dan mempunyai alamat berdaftar di Pejabat Setiausaha Syarikat, Tingkat 2, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad, No. 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai "**TNB**"), seperti berikut—

1. *Kami/Saya dengan ini memperakui dan mengakui bahawa saya merupakan pemunya premis yang sah beralamat di(selepas ini dirujuk sebagai "**Premis**") dan pemunya Premis sebelum ini dan/atau pengguna berdaftar TNB telah mengosongkan Premis.

2. *Kami/Saya bersetuju dan berakujanji bahawa : -

- a) sekiranya perakuan di Klausula 1 di atas didapati tidak benar oleh TNB dan/atau ia dipertikaikan oleh mana-mana pihak atau *kami/saya tidak lagi memiliki Premis tersebut, maka TNB akan menamatkan kontrak bekalan dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari 24 jam ke Premis tersebut dan bekalan elektrik akan dipotong tanpa sebarang notis lanjut;
- b) tidak akan menuntut daripada TNB apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak *kami/saya akibat daripada pemotongan bekalan elektrik oleh TNB dalam Klausula 2 (a) di atas;
- c) akan menanggung dan/atau menggantirugi segala kos perbelanjaan, gantirugi dan kerugian yang perlu atau akan ditanggung oleh TNB terhadap apa-apa tuntutan daripada pihak ketiga yang timbul kelak akibat daripada pemotongan dan penamatan bekalan elektrik oleh TNB;
- d) akan menanggung apa-apa kerugian dan/atau perbelanjaan termasuklah kos dan yuran guaman TNB dalam menguatkuasakan perakuan ini di mahkamah; dan
- e) perakuan ini telah ditandatangani secara sukarela tanpa apa-apa elemen paksaan, ugutan atau dorongan daripada mana-mana pihak dan *kami/saya menyedari dan memahami sepenuhnya implikasi daripada perakuan ini.

3. *Kami/Saya dengan ini bersetuju bahawa selepas pemotongan dan penamatan bekalan elektrik, TNB akan memulangkan deposit ke akaun bank..... nombor akaun tertakluk kepada pemotongan apa-apa amaun yang kena dibayar kepada TNB. TNB juga akan dimaklumkan sekiranya terdapat perubahan butiran akaun bank tersebut.

4. Klausula-klausula dalam perakuan ini adalah berasingan dan berbeza di antara satu sama lain dan pada bila-bila masa sekiranya terdapat salah satu atau lebih daripada klausula-klausula tersebut menjadi tidak sah dari segi undang-undang, maka ketidaksahan tersebut tidak akan sama sekali memberi kesan kepada klausula-klausula yang lain.

5. Perakuan ini mengikat pewaris, wasi, pentadbir, pengganti hakmilik dan wakil-wakil yang dilantik oleh *kami/saya.

6. *Kami/Saya mengakui bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan terkini di mana sebarang pernyataan palsu adalah suatu kesalahan dan boleh menyebabkan *kami/saya didakwa dan bertanggung terhadap tuntutan sivil di mahkamah.

7. *Kami/Saya memberikan kebenaran kepada TNB untuk memproses data peribadi yang diberikan (termasuk menzahirkan data peribadi kepada mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh TNB) berdasarkan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi tujuan borang perakuan ini dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya.

8. *Kami/Saya bersetuju bahawa, *EU General Data Protection Regulation* adalah tidak terpakai kepada TNB kerana perkhidmatan yang diterima adalah diberikan di Malaysia (**Pemakluman kepada Pengguna dari Kesatuan Eropah).

Ditandatangani oleh/Cop Syarikat:

Disaksikan oleh :

.....
Nama :
No. KP/No. Pasport :
Tarikh :

.....
Nama :
No.K/P/No. Pasport :
Tarikh :

* Potong mana-mana yang tidak berkaitan

PENGESAHAN PILIHAN BACAAN PERMULAAN METER

Dengan ini saya bersetuju dengan pilihan yang saya TANDAKAN seperti berikut: - (Sila tandakan ✓)
I hereby agree with the option which I've SELECTED as following: - (Please tick ✓)

- (i) TNB mendapatkan bacaan meter di premis seperti dinyatakan dalam borang permohonan ini.
TNB to obtain the meter reading at the premise stated in this application form.
- (ii) TNB menggunakan rekod bacaan meter sebenar dalam bil terkini dan saya bersetuju dengan caj penggunaan dalam bil elektrik pertama saya.
TNB to use the actual meter reading recorded in the latest electricity bill and I agree with the charges reflected in my 1st electricity bill.
- (iii) TNB menggunakan rekod bacaan meter yang saya berikan, iaitu:
TNB to use meter reading which I've provided, which is:

_____ kWj/kWh

*Nota: Untuk pilihan (iii) di atas, pemohon secara sukarela membawa gambar bacaan meter TNB.
Note: For the option (iii) above, the applicant voluntarily provides the picture of TNB meter reading.*

Tandatangan Pemohon/ Signature of Applicant